

MULTIFACE MIRROR

Nur Atirah M1, Lishaliniy LG1, Syaidatul Ezzaty MA2, Syifa' HA1, Nur'afina MN1,
 Mohamad Hisyam M1
 1Klinik Pergigian Kampung Gajah, Perak Tengah, Perak
 2Klinik Pergigian Parit, Perak Tengah, Perak



PEMILIHAN PELUANG UNTUK PENAMBAHBAIKAN

- Panduan Prosedur Operasi Standard bagi Latihan Memberus Gigi Berkesan (BEGIN) merupakan satu inisiatif untuk melatih kemahiran teknik memberus gigi yang berkesan kepada murid-murid sekolah.
- Aktiviti ini dijalankan semasa Incremental Dental Care Programme yang meliputi murid-murid di TASKA, Pra-Sekolah dan Sekolah Rendah.
- Idea Multiface mirror tercetus selepas program BEGIN dilaksanakan bagi murid-murid prasekolah.
- Multiface mirror dikategorikan sebagai inovasi perkhidmatan.
- Inovasi ini dapat digunakan oleh murid-murid prasekolah ketika menjalani latihan BEGIN.

PENGUKURAN UTAMA PENAMBAHBAIKAN

- Masalah sebelum inovasi ini ialah murid-murid perlu memegang cermin muka dan memberus gigi pada masa yang sama.
- Juruterapi Pergigian perlu kerap membentulkan penggunaan cermin muka di tangan murid prasekolah.
- Cermin muka yang sedia ada diikat dengan tali serta disarungkan ke leher supaya tidak terjatuh.



PROSES PENGUMPULAN MAKLUMAT

- Data masalah yang dihadapi sebelum projek ini dijalankan diperoleh melalui temubual antara guru.
- Selepas projek ini dihasilkan, borang maklum balas akan diedarkan secara atas talian kepada guru.

ANALISIS DAN INTERPRETASI

- Keadaan selepas inovasi, murid prasekolah lebih selesa menjalankan latihan memberus gigi dengan berkesan kerana tidak perlu memegang cermin muka sambil memberus gigi.
- Juruterapi Pergigian menjalankan program BEGIN dengan lebih lancar kerana tidak perlu membentulkan cermin muka murid-murid ketika latihan memberus gigi.
- Saiz cermin Multiface mirror lebih besar berbanding dengan cermin muka yang digunakan sebelum ini.

STRATEGI PENAMBAHBAIKAN

- Penghasilan inovasi Multiface mirror yang mempunyai beberapa bahagian yang perlu dicantumkan dengan paip pvc sebelum penggunaan.
- Ketinggian cermin dapat dilaraskan mengikut ketinggian murid prasekolah.

KESAN PENAMBAHBAIKAN

- Faedah-faedah dari inovasi ini adalah murid-murid lebih selesa memberus gigi tanpa perlu memegang cermin, penjimataan masa bagi setiap murid semasa menjalankan latihan BEGIN dan mesra pengguna kerana pemasangan serta pengangkutan produk yang mudah.

LANGKAH SETERUSNYA

- Projek ini akan dimanfaatkan ketika latihan BEGIN di sekolah Perak Tengah.

Penghargaan: Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Perak Tengah